

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]
TARIKH : 1 APRIL 2015
SOALAN :

YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah meningkatkan pemahaman dan rasa tanggungjawab rakyat umum dalam memerangi penyakit denggi dan punca penyakit yang kini mengancam kesihatan rakyat di beberapa negeri.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan pemahaman dan rasa tanggungjawab rakyat umum dalam memerangi penyakit denggi dan punca penyakit yang kini mengancam kesihatan rakyat di beberapa negeri. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah seperti berikut:

- a) Melaksanakan kempen pencegahan denggi secara berterusan melalui media arus perdana menggunakan TV, radio dan suratkhbar. Iklan TV dan iklan radio berkaitan pencegahan dan kawalan denggi yang relevan telah diterbitkan dan digunakan dalam kempen tersebut. Sebanyak 1,762 spot iklan denggi telah

ditayangkan di TV dan 2,337 spot iklan denggi disiarkan di radio sepanjang Julai hingga Disember 2014. Di samping itu, pegawai-pegawai dari KKM turut dijemput ke studio stesen TV dan radio sebagai tetamu untuk membincangkan berkaitan denggi.

Iklan-iklan tersebut turut dimuat naik ke *Youtube* dan juga dipaut ke *Facebook CPRC (Crisis Preparedness and Response Centre)*.

- b) Maklumat penting berkaitan pencegahan dan kawalan denggi turut disampaikan kepada masyarakat melalui:
 - i. kenyataan akhbar berkaitan situasi denggi oleh YBMK dibuat secara berkala. Ia juga dikeluarkan dan dipaparkan melalui laman web rasmi KKM;
 - ii. maklumat terkini lokaliti wabak dan projek *Communication for Behaviourial Impact (COMBI)* dimuatkan dalam laman web idengue (idengue.remotesensing.gov.my/ idengue); dan
 - iii. *SMS blast* kepada penduduk di Lembah Klang.
- c) Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan secara interpersonal di lapangan setiap hari oleh anggota kesihatan. Sebanyak 1,836,731 tunjuk cara dan 2,266,029 nasihat individu berkaitan pencegahan denggi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Manakala sebanyak 3,169,970 risalah dan 88,731 poster telah turut diedarkan.
- d) Melaksanakan penyaluran maklumat berkaitan cara pencegahan denggi melalui:
 - i. Hebahan awam oleh Unit Bergerak Pendidikan Kesihatan. Sebanyak 412,250 hebahan awam sepanjang tahun 2014;

- ii. Kios Intervensi Pendidikan Kesihatan atau Pondok Panas (*one-stop center*) di lokaliti *hotspot*;
 - iii. Media luar seperti iklan pada badan bas, teksi, pondok bas, billboard di sekolah, *bunting* dan kain rentang yang dipasang di lokaliti *hotspot*;
 - iv. Kelab Doktor Muda di sekolah-sekolah; dan
 - v. Kolaborasi bersama NGO, pihak swasta dan parti politik.
- e) Menubuhkan pasukan COMBI (*Communication for Behavior Impact*) terutamanya di kawasan yang mempunyai masalah wabak Denggi. Pasukan COMBI yang aktif didapati terbukti berjaya memastikan kawasan mereka bebas dari wabak denggi. Sehingga 2014, terdapat sejumlah 2,971 COMBI di seluruh negara. Penubuhan COMBI di beberapa daerah berwabak denggi di Selangor turut dibantu oleh Pasukan Khas Pendidikan Kesihatan (PAKAT) yang terdiri 58 orang Pegawai Pendidikan Kesihatan dari seluruh negara. Bagi tempoh 21 Ogos 2014 sehingga 28 September 2014, PAKAT telah menggerakkan komuniti dan Berjaya melaksanakan sebanyak 60 gotong royong dan menubuhkan 27 pasukan COMBI.

Tuan Yang DiPertua,

KKM akan terus memberi komitmen tinggi melaksanakan penerangan bagi meningkatkan pemahaman dan rasa tanggungjawab masyarakat tentang aspek pencegahan denggi. KKM sentiasa mengalu-alukan semua pihak yang ingin bekerjasama dalam membantu pihak kerajaan menangani wabak denggi khususnya dalam meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan denggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani peningkatan kes demam denggi, Kementerian Kesihatan sememangnya telah mempunyai pelan kesiapsiagaan wabak denggi di peringkat negeri dan hospital masing-masing. Pelan kesiapsiagaan ini turut merangkumi usaha bagi memastikan bilangan katil yang mencukupi untuk merawat pesakit denggi bergantung kepada infrastruktur dan kapasiti perkhidmatan sedia ada di hospital terlibat.

Di antara langkah-langkah seperti di dalam pelan kesiapsiagaan yang telah diambil adalah:

- a) menempatkan katil-katil tambahan di ruang-ruang di wad perubatan di hospital yang masih boleh digunakan;
- b) penggunaan wad-wad atau ruang-ruang lain selain wad perubatan untuk menempatkan pesakit dan mengoptimalkan penggunaan ruang di hospital, seperti:
 - menggunakan wad-wad disiplin lain yang mempunyai kadar penggunaan katil / *bed occupancy rate* (BOR) yang rendah;
 - menggabungkan wad-wad di bawah Perkhidmatan Pembedahan untuk membolehkan sebahagian wad digunakan untuk *step-down care* pesakit denggi atau pesakit-pesakit lain;
 - menggunakan wad kelas 1 dan 2 sebagai wad untuk pesakit denggi atau *step-down care* pesakit-perubatan lain bagi mewujudkan ruang di wad-wad perubatan; dan
 - mewujudkan *discharge lounge* di ruang yang bersesuaian dan engan kemudahan yang perlu bagi menempatkan pesakit-

pesakit yang telah didiscaj dari wad dan sedang untuk dijemput pulang oleh ahli keluarga atau bagi pesakit-pesakit yang sedang menunggu proses discaj dilengkapkan oleh pihak hospital.

- c) hospital-hospital tanpa pakar yang bersesuaian dari segi logistik telah dikenalpasti untuk menempatkan pesakit-pesakit denggi yang tidak kritikal. Ini bertujuan untuk mewujudkan kekosongan di hospital-hospital negeri dan hospital berpakar KKM bagi merawat kes-kes denggi yang memerlukan pemerhatian yang lebih teliti atau rawatan intensif; dan
- d) tugas dan tanggungjawab *Bed Manager* di peringkat hospital diperkukuhkan untuk mengemaskini maklumat kekosongan katil di hospital masing-masing pada setiap *shift*. Koordinasi di antara *bed manager* di hospital-hospital negeri masing-masing dan di negeri-negeri berdekatan akan memudahkan serta melancarkan lagi proses rujukan antara hospital

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada itu, memandangkan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan KL / Putrajaya menyumbang sebanyak 65% daripada jumlah keseluruhan kes denggi negara, langkah-langkah bagi menangani masalah peningkatan kes demam denggi lebih ditumpukan kepada kedua-dua negeri berkenaan, di samping langkah-langkah sedia ada yang berterusan dilakukan di negeri-negeri lain.

Bagi mengatasi masalah kekurangan katil untuk menampung kemasukan kes demam denggi ke hospital yang meningkat berbanding

tahun lepas, sebanyak 303 katil tambahan bagi pesakit denggi telah diwujudkan di hospital-hospital KKM di Selangor and WPKL / Putrajaya berbanding jumlah asal sebanyak 408 buah katil. Peningkatan kapasiti katil sebanyak 72% tersebut buat masa ini masih mampu menampung kemasukan kes denggi ke hospital yang semakin meningkat.

KKM juga sedang dalam usaha menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM14.29 juta bagi perolehan peralatan perubatan tambahan yang akan diagihkan kepada hospital-hospital di Negeri Selangor. Peruntukan ini merangkumi perolehan peralatan termasuk set katil tambahan dan pelbagai jenis peralatan perubatan lain yang penting bagi kegunaan rawatan dan penjagaan pesakit denggi di hospital.

Dengan segala langkah yang telah dilaksanakan dan masih berterusan dalam menangani wabak denggi, KKM akan sentiasa memberikan rawatan serta penjagaan optima dalam memastikan kesihatan rakyat terjamin.